



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



MAJLIS KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM
KECEMERLANGAN BERSAMA | MUTUAL EXCELLENCE

2026-2030

PELAN STRATEGIK

MAJLIS KETUA AUDIT DALAM (MKAD)
UNIVERSITI AWAM

PELAN MKAD STRATEGIK 2026-2030

KECEMERLANGAN BERSAMA I MUTUAL EXCELLENCE



ISI KANDUNGAN

01

BAB 1 : PENDAHULUAN

- 1.1 Perutusan Pengerusi MKAD
- 1.2 Ringkasan Eksekutif
- 1.3 Punca Kuasa
- 1.4 Penubuhan MKAD
- 1.5 Carta Organisasi
- 1.6 Fungsi/Peranan MKAD & Jawatankuasa
- 1.7 Aktiviti 2017-2025

18

BAB 2 : ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

- 2.1 Pihak Berkepentingan
- 2.2 Rakan Strategik Organisasi
- 2.3 Isu/Cabaran Strategik Berdasarkan Analisis Persekitaran
- 2.4 Cadangan Penyelesaian Strategik

25

BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK

- 3.1 Visi & Misi
- 3.2 Logo
- 3.3 Motto & Nilai Bersama

30

BAB 4 : STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

- 4.1 Teras Strategik
- 4.2 Pelan Tindakan
- 4.3 Pemantauan & Pengukuran Prestasi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1

Perutusan Pengerusi MKAD

1.2

Ringkasan Eksekutif

1.3

Punca Kuasa

1.4

Penubuhan MKAD

1.5

Carta Organisasi

1.6

Fungsi MKAD & Jawatankuasa

1.7

Aktiviti Tahun 2017-2025



YBrs. Encik Mohd Akram bin Abdul Razak

Pengerusi
Majlis Ketua Audit Dalam (MKAD)
Universiti Awam

PERUTUSAN Pengerusi MKAD

Salam Malaysia MADANI,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Dengan izin Allah SWT, Pelan Strategik MKAD 2026–2030 ini telah berjaya dibangunkan dengan kerjasama semua Ketua Audit Dalam Universiti Awam. Pelan Strategik ini akan menjadi panduan utama serta menentukan halatuju MKAD bagi tahun 2026 hingga 2030.

Pelan strategik ini juga akan menjadi pemangkin kepada pencapaian visi dan misi MKAD seterusnya meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti audit serta meluaskan jaringan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pelan strategik ini menetapkan sasaran pencapaian bagi ketiga-tiga Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Inovasi (JSI), Jawatankuasa Pemantapan Kualiti (JPQ) dan Jawatankuasa Pembangunan Kompetensi (JPK) yang perlu dicapai bagi tahun 2026 hingga 2030. Sasaran pencapaian ini mengambil kira keperluan dalam peningkatan kualiti audit dalam, pengukuhan kompetensi juruaudit dan penyesuaian terhadap perubahan teknologi serta keperluan kawal selia semasa.

Diharapkan pelan strategik ini menjadi panduan kepada semua Audit Dalam Universiti Awam dalam mencapai matlamat dan objektif yang digariskan selaras dengan motto MKAD iaitu Kecemerlangan Bersama.

Sekian, terima kasih.

1.2 RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Ketua Audit Dalam Universiti Awam (MKAD) bagi tahun 2026 hingga 2030 menetapkan hala tuju strategik dalam memperkukuh tadbir urus, integriti dan keberkesanan fungsi audit dalam di institusi pengajian tinggi awam negara. Pelan strategik ini dibentuk hasil daripada sesi libat urus dan perbincangan bersama Ketua-Ketua Audit Dalam Universiti Awam, dengan mengambil kira cabaran semasa, keperluan pematuhan terhadap piawaian profesional serta aspirasi pengurusan sektor pendidikan tinggi negara.

Dokumen ini merangkumi tiga teras utama:



Pematuhan kepada *Global Internal Audit Standard* (GIAS) dalam pelaksanaan pengauditan



Pendigitalan proses audit dan penggunaan teknologi terkini



Pengukuhan kolaborasi strategik antara Universiti Awam Malaysia

Melalui pelaksanaan pelan ini, MKAD menyasarkan peningkatan keberkesanan peranan audit dalam sebagai rakan strategik Universiti awam dalam menyokong kecemerlangan pengurusan dan pembangunan pendidikan tinggi Malaysia.

1.3 PUNCA KUASA

Majlis Ketua Audit Dalam (MKAD) yang sebelumnya dikenali sebagai Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam (JKAD) ditubuhkan bermula dari tahun 2002. Berikut merupakan punca kuasa penubuhan MKAD:

**MESYUARAT PENDAFTAR - PENDAFTAR BIL. 3/2002
PADA 22 SEPTEMBER 2002**

2002-2013

**Mesyuarat Bersama
Ketua - Ketua Unit
Audit Dalam Universiti
Awam (MBKUAD)**

2013-2016

**Mesyuarat Bersama
Ketua - Ketua Audit
Dalam (MBKAD)**

JAWATANKUASA NAIB CANSELOR / REKTOR (JKNCR)

2026

**Majlis Ketua Audit Dalam
Universiti Awam (MKAD)**

2016-2025

**Jawatankuasa
Ketua- Ketua Audit
Dalam (JKAD)**

1.4 PENUBUHAN MKAD

Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar Bil. 3 Tahun 2002 pada 22 September 2002 telah memperakukan kertas kerja “Cadangan Mewujudkan Kerjasama di Antara Juruaudit Dalam Di Semua Institut Pengajian Tinggi Awam” serta memutuskan keperluan untuk mewujudkan satu bentuk kerjasama antara Juruaudit Dalam UA bagi tujuan utama yang berikut:

- 1 Meningkatkan akauntabiliti dan pengurusan yang seragam antara semua UA meliputi kecekapan sistem pengauditan, penilaian kawalan dalaman dan pembangunan sistem; dan
- 2 Menjadi forum perbincangan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan universiti.

Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Unit Audit Dalam (MBKUAD) ditubuhkan pada November 2002 dengan keahlian melibatkan 17 UA dan pada tahun 2012 bertambah bilangan kepada 20 UA.

MBKAD Bil. 1/2013 pada 20 Mac 2013 telah bersetuju dengan pemilihan akronim “Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Audit Dalam (MBKAD)” untuk menggantikan penggunaan akronim “Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Unit Audit Dalam (MBKUAD)”.

1.4 PENUBUHAN MKAD

Pada 21 Disember 2016, melalui Mesyuarat MBKAD Bil 3/2016, semua ahli telah bersetuju supaya nama “Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Audit Dalam (MBKAD)” diganti kepada nama “Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam (JKAD)” dan menubuhkan tiga (3) Biro untuk menjalankan strategi-strategi yang telah termaktub di dalam Pelan Strategik JKAD UA 2017-2021. Biro-biro tersebut adalah:




1.4 PENUBUHAN MKAD

Pada 26 Februari 2025, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam (JKAD) Bil 1/2025 telah bersetuju supaya “Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam (JKAD)” dijenamakan semula kepada “Majlis Ketua Audit Dalam (MKAD)” dan tiga (3) biro sedia ada ditukar kepada tiga (3) Jawatankuasa untuk menjalankan strategi-strategi yang telah termaktub di dalam Pelan Strategik MKAD UA 2026-2030. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah:



1.5 CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI MAJLIS KETUA AUDIT DALAM (MKAD) UNIVERSITI AWAM MALAYSIA



1.6 FUNGSI MKAD & JAWATANKUASA

MAJLIS KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM (MKAD)

Keahlian MKAD adalah terdiri daripada Ketua-Ketua Audit Dalam semua Universiti Awam di Malaysia. MKAD bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun. Tugas utamanya adalah meluluskan polisi, dasar dan kertas kerja cadangan aktiviti Jawatankuasa dalam mencapai objektif. MKAD perlu melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari, Juruaudit, Ahli Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa di kalangan ahlinya.

1

PENGERUSI DAN TIMBALAN PENERUSI

Asas pemilihan adalah secara giliran dan tempoh perantukan adalah selama dua (2) tahun. Timbalan Pengerusi secara automatik akan dilantik sebagai Pengerusi untuk sesi yang berikutnya.

2

BENDAHARI

Bendahari bertanggungjawab dalam penyediaan akaun dan rekod kewangan Akaun Tabung MKAD. Tempoh lantikan adalah tertakluk kepada persetujuan MKAD.

3

AHLI MAJLIS TERTINGGI

Peranan utama Ahli Majlis Tertinggi adalah membincangkan isu-isu pentadbiran dan kewangan MKAD mengikut keperluan. Keahlian adalah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari dan Ketua-ketua Jawatankuasa. Walau bagaimanapun, ahli MKAD yang lain boleh dijemput oleh Pengerusi sebagai Ahli Turut Hadir.

1.6 FUNGSI MKAD & JAWATANKUASA

MAJLIS KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM (MKAD)

4

JURUAUDIT

Juruaudit adalah terdiri daripada dua (2) orang ahli mesyuarat MKAD yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun untuk membuat pengauditan bagi memastikan semua pengurusan kewangan dan akaun serta penyimpanan rekod adalah mengikut terma yang ditetapkan. Pelantikan semula boleh dibuat terhadap juruaudit yang telah dilantik sebelum ini.

5

SETIAUSAHA

Setiausaha dilantik oleh pengerusi MKAD di kalangan pegawainya. Setiausaha bertanggungjawab menguruskan perjalanan mesyuarat dan keurusetiaan mesyuarat.

6

WAKIL

Ketua Audit Dalam boleh mewakilkan kehadiran ke mesyuarat MKAD kepada pegawainya sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab tertentu. Kehadiran akan direkod sebagai Ahli Turut Hadir tetapi tidak mempunyai kuasa mengundi.

**Sebarang perubahan pelantikan dan tempoh pelantikan adalah tertakluk kepada persetujuan semua ahli MKAD.*

1.6 FUNGSI MKAD & JAWATANKUASA

JAWATANKUASA

1

JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK & INOVASI (JSI)

Mengkoordinasi dan memastikan pencapaian Objektif Strategik setiap Jawatankuasa selaras dengan pelan strategik MKAD serta menginovasikan pengauditan dengan mengadaptasikan teknologi terkini selaras dengan amalan terbaik.

2

JAWATANKUASA PEMANTAPAN KUALITI (JPQ)

Mengenalpasti dan melaksanakan konsep serta kaedah pengawalan kualiti pengauditan yang dijalankan oleh Audit Dalam Universiti Awam supaya menepati keperluan *International Professional Practices Framework* (IPPF) yang dikeluarkan oleh *The Institute of Internal Auditors* (IIA) dan juga lain-lain pekeliling yang diterimapakai dan bersesuaian dengan penubuhan Audit Dalam Universiti Awam.

3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)

Menyediakan peluang perkongsian pengetahuan, amalan terbaik dan pengalaman serta pembangunan kompetensi melalui program latihan, kursus, seminar dan bengkel.

1.7 AKTIVITI TAHUN 2017-2025

Selari dengan tujuan utama penubuhan JKAD UA, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sejak 2017 lagi. Antaranya seperti berikut:

2017

1

7 MAC 2017

**PERKONGSIAN PENGAUDITAN
KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI
NEGARA**

Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).

2

12 APRIL 2017

**PERKONGSIAN PENGALAMAN
PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE
(PAC)**

Universiti Malaysia Kelantan
(UMK).

3

27 MEI 2017

**PANDANGAN LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI
TERHADAP AUDIT**

Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM).

4

25-26 OKTOBER 2017

**KURSUS HOW DEEP THE AUDIT
SHOULD BE**

Institute Leadership and
Development (ILD) Universiti
Teknologi MARA (UiTM).

2018

1

22 MAC 2018

**SESI PERKONGSIAN BERKENAAN
PELAPORAN AUDIT PEROLEHAN
OLEH JABATAN AUDIT NEGARA
(JAN)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
(UTeM)

2

23-25 APRIL 2018

**KURSUS PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN KONTRAK**

Hotel Tenera, Bangi

3

23-25 OKTOBER 2018

**KURSUS ASAS PENGAUDITAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT)**

Hotel Tenera, Bangi

2019

1

27 MAC 2019

SESI TAKLIMAT BERKAITAN SISTEM DASHBOARD

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2

27 MAC 2019

SESI TAKLIMAT SISTEM E-MEETING

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

3

23 - 25 APRIL 2019

SESI PERKONGSIAN ILMU OLEH ZON TIMUR

Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

4

15 & 16 OGOS 2019

BENGKEL PEMBANGUNAN RANGKA KERJA SME

Hotel Puri Pujangga, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

1.7 AKTIVITI TAHUN 2017-2025

2020

1

10-12 MAC 2020

**KURSUS JOM X-RAY KONTRAK
KERJA**

Primula Beach Hotel, Terengganu.

2021

1

27 APRIL 2021

SEMINAR COSO AWARENESS

Secara Dalam Talian

2

15-17 NOVEMBER 2021

KURSUS COSO BASED AUDIT

Secara Dalam Talian

2022

1

25 MAC 2022

**PENGAUDITAN
PENYELIDIKAN**

Secara Dalam Talian

GERAN

2

14 JUN 2022

**AWARENESS PENGAUDITAN
PENYATA KEWANGAN**

Secara Dalam Talian

2023

1

8 FEBRUARI 2023

LAWATAN KE SURUHANJAYA KOMUNIKASI (MCMC) OLEH STAF UNIT AUDIT DALAM UNIVERSITI MALAYA (UM)

Suruhanjaya Komunikasi (MCMC).

2

29 OGOS 2023

LAWATAN KE UNIT AUDIT DALAM, UNIVERSITI MALAYA (UM)

Universiti Malaya (UM).

3

26 & 27 SEPTEMBER 2023

BENGKEL PENGAUDITAN BERASASKAN COSO

Universiti Malaysia Kelantan (UKM).

4

4 DISEMBER 2023

SESI PERKONGSIAN PENGENALAN PENGURUSAN PROJEK ICT (PPrISA) OLEH WAKIL MAMPU

Hotel Mercure, Shah Alam.

5

6 DISEMBER 2023

BENGKEL PENUBUHAN TF COSO

Universiti Malaya (UM).

1.7 AKTIVITI TAHUN 2017-2025

2024

1

14 MEI 2024

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

2

10-11 JUN 2024

KURSUS COSO BASED INTERNAL AUDITING

Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

3

26-27 OGOS 2024

SEMINAR KEBANGSAAN AUDIT DALAM

Hotel Tenera, Bangi

2025

1

26 FEBRUARI 2025

BENGKEL PELAN STRATEGIK MKAD

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

2

24 SEPTEMBER 2025

**LAWATAN KERJA KETUA AUDIT
DALAM UNIVERSITI AWAM KE
JABATAN AUDIT DALAMAN
KUMPULAN TNB**

Tenaga Nasional Berhad (TNB)

3

13-14 OKTOBER 2025

**BENGKEL GLOBAL INTERNAL AUDIT
STANDARDS (GIAS)**

Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku
Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-
Kanak UKM

BAB 2

ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

2.1

Pihak Berkepentingan

2.2

Rakan Strategik

2.3

Isu/Cabaran Strategik Berdasarkan Analisis Persekitaran

2.4

Cadangan Penyelesaian Strategik

2.1 PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TINGGI
(KPT)**



**JAWATANKUASA NAIB
CANSELOR/ REKTOR
(JKNCR)**



**LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI**



**JAWATANKUASA
AUDIT**



**JABATAN AUDIT
NEGARA**



**AGensi
PENGUATKUASAAN**



ORANG AWAM

2.2 RAKAN STRATEGIK



2.3 ISU/CABARAN STRATEGIK BERDASARKAN ANALISIS PERSEKITARAN

Isu/ Cabaran	Analisis Persekitaran
1 Kompleksiti Persekitaran Kawal Selia	• Universiti Awam (UA) perlu mematuhi pelbagai undang-undang, peraturan, garis panduan atau pekeliling kerajaan, Jabatan Audit Negara, dan pihak berkepentingan lain. • Memastikan pematuhan kepada perubahan dasar dan peraturan yang sering berlaku. • Menyelaraskan kawalan dalaman dengan keperluan peraturan yang berbeza antara universiti.
2 Sumber Terhad dan Kecekapan Operasi	• Kekangan kepada sumber kewangan dan sumber manusia yang terhad untuk menjalankan fungsi audit dalam yang berkesan. • Menjamin keberkesanan kawalan dalaman Universiti Awam (UA) dengan sumber yang terhad. • Meningkatkan kompetensi staf Audit Dalam melalui latihan profesional secara berterusan.
3 Integrasi Teknologi dalam Audit Dalam	• Pendigitalan operasi universiti memerlukan Audit Dalam UA untuk menyesuaikan pendekatan audit dengan teknologi terkini. • Kurangnya kemahiran teknikal dalam kalangan staf Audit Dalam untuk menggunakan teknologi seperti analisis data dan perisian audit. • Meningkatkan kemahiran teknikal staf audit, dalam pengurusan teknologi.

2.3 ISU/CABARAN STRATEGIK BERDASARKAN ANALISIS PERSEKITARAN

	Isu/ Cabaran	Analisis Persekitaran
4	Pengurusan Risiko Organisasi	- Audit berfungsi sebagai alat pemantauan untuk menilai keberkesanan kawalan risiko dalam organisasi. - Kelemahan dalam proses mengenal pasti dan mengurus risiko berkaitan dengan tadbir urus, kewangan dan teknologi Universiti. - Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko yang komprehensif dan seragam serta menyelaraskan audit dengan strategi pengurusan risiko universiti.
5	Tatakelola dan Akauntabiliti	- Mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan pihak berkepentingan terhadap keberkesanan Audit Dalam UA. - Cabaran Audit Dalam UA untuk memastikan tatakelola dan akauntabiliti yang telus dalam semua operasi. - Menangani isu ketidakpatuhan dan salah laku kewangan secara sistematik.
6	Jurang Jawatan Audit Dalam UA Gred Ketua (KAD)	- Gred jawatan KAD tidak mencerminkan sepenuhnya tahap akauntabiliti, kerumitan tugas serta risiko profesional yang ditanggung. - Terdapat jurang gred jawatan antara KAD UA yang lebih rendah berbanding Ketua Jabatan dan Pengurusan Tertinggi Universiti. - Penyelarasan gred minima KAD UA setara Bendahari/Bursar/Ketua Pegawai Kewangan dan termasuk dalam barisan Pengurusan Tertinggi Universiti.

2.3 ISU/CABARAN STRATEGIK BERDASARKAN ANALISIS PERSEKITARAN

	Isu/ Cabaran	Analisis Persekitaran
7	Penilaian Impak dan Keberkesanan Audit Dalam UA	• Penilaian impak dan keberkesanan audit dalam UA penting untuk memastikan audit memberi nilai tambah kepada pihak berkepentingan melalui laporan yang strategik. • Kesukaran dalam pengukuran hasil audit terhadap pencapaian objektif strategik universiti. • Membangunkan Indikator Prestasi Utama (KPI) dan melaksanakan peer review untuk menilai keberkesanan fungsi audit dalam.
8	Pengurusan Perubahan Cabaran dan Masa Hadapan	• Perubahan dalam landskap pendidikan tinggi, seperti autonomi universiti, wujud risiko baharu yang memerlukan perhatian MKAD. • Keperluan untuk menyesuaikan proses audit dengan perubahan organisasi masa hadapan. • Melaksanakan auditan secara <i>agile</i> untuk menangani risiko strategik yang timbul akibat perubahan dasar.
9	Fokus Kelestarian kepada dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)	• Universiti perlu memastikan pematuhan kepada prinsip kelestarian dalam operasi dan aktiviti. • Mengintegrasikan elemen kelestarian dalam perancangan audit dalaman. • Menilai keberkesanan inisiatif universiti dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

2.4 CADANGAN PENYELESAIAN STRATEGIK



BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

- 3.1** **Visi & Misi**
- 3.2** **Logo**
- 3.3** **Motto & Nilai Bersama**

VISI Audit Dalam Sebagai Pemangkin Kepada Kecemerlangan dan Keberkesanan Tadbir Urus Universiti Awam.

Beriltizam Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengauditan dan Kredibiliti Audit Dalam Universiti Awam Melalui Perkongsian Pengalaman dan Pembangunan Profesional Berterusan.

MISI

3.2 LOGO

Logo MKAD menzahirkan peranan Audit Dalam yang progresif, pantas dan berkesan (*Act & Action*), disokong oleh kolaborasi dan sinergi ketua audit Universiti Awam dalam memperkukuh tadbir urus.



MAJLIS KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM

Palang dengan nama penuh melambangkan peranan utama MKAD dalam memperkasa fungsi Audit Dalam di Universiti Awam.

Peralihan warna **biru** ke **merah** mencerminkan kesatuan dalam kepelbagaian, dengan semua universiti berkolaborasi untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan akauntabiliti dan mengangkat peranan Audit Dalam.

WARNA BIRU

Profesionalisme, kepercayaan, integriti dan kebijaksanaan, menjadi asas logo serta mencerminkan nilai teras MKAD dalam memacu tadbir urus Universiti Awam.

WARNA MERAH

Keteguhan, komitmen dan kesungguhan MKAD sebagai pemangkin perubahan serta kecemerlangan Audit Dalam yang dinamik dan berteraskan teknologi dalam mendepani cabaran pengauditan moden.

TULISAN MODEN, TEGAS DAN (BOLD) BERWARNA BIRU

Menonjolkan kekuatan, kestabilan dan keyakinan MKAD sebagai jawatankuasa yang disegani.

ARAH PANAH SWOOSH MENAIK

Melambangkan usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan kecemerlangan Audit Dalam sebagai ibadah dan amanah kerana Allah SWT, sejajar dengan peranan Audit Dalam dalam kerangka Three Lines of Defense yang digariskan oleh The Institute of Internal Auditors (IIA).

'KECEMERLANGAN BERSAMA | MUTUAL EXCELLENCE'

Menegaskan semangat kolaborasi, perkongsian ilmu dan penyelarasan strategik yang menjadi dasar penubuhan MKAD


WARNA PUTIH

Integriti, keterbukaan, dan komitmen MKAD terhadap pengauditan yang telus, objektif, dan mudah difahami dalam memperkukuh tadbir urus Universiti Awam.

WARNA KELABU/ PERAK

Peranan MKAD dalam memperkukuh piawaian, menyelaraskan amalan terbaik, serta menyatukan pengalaman Audit Dalam Universiti Awam ke arah standard yang seragam, berkesan dan berintegriti.

3.3 MOTTO & NILAI BERSAMA



3.3 MOTTO & NILAI BERSAMA

1

PROFESIONAL

Melaksanakan tugas dengan berintegriti, telus dan bebas bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti tinggi dan bersesuaian dengan piawaian dan amalan terbaik.

2

PROGRESIF

Bergerak maju dengan melakukan perkongsian pintar dan melaksanakan aktiviti yang berkualiti tinggi dalam usaha meningkatkan pengetahuan, kreativiti dan kemahiran.

3

INTEGRITI

MKAD mengutamakan aspek integriti serta memastikan pematuhan kod etika profesional dalam meningkatkan imej dan kredibiliti Audit Dalam.

4

AMANAH

Bertanggungjawab dan menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam diri ahli pasukan kerja.

5

INOVATIF

Menggalakkan inovasi dalam aktiviti pengauditan bagi memenuhi keperluan serta kehendak pemegang taruh dan auditi.

6

KERJASAMA

Membina jaringan dan kerjasama strategik antara ahli MKAD serta berkolaborasi dengan badan-badan profesional dan pengamal industri untuk faedah bersama.

7

KETERANGKUMAN

MKAD mengiktiraf kepelbagaian keupayaan dan idea serta percaya kepada prinsip saling menghormati dalam memberi peluang sama rata di antara ahli-ahlinya.

BAB 4

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

4.1

Teras Strategik

4.2

Pelan Tindakan

4.3

Pemantauan dan Pengukuran
Prestasi

4.1 TERAS STRATEGIK

1

JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK DAN INOVASI (JSI)

Inovasi dan Kelestarian Pengauditan

Objektif Strategi

- Mengkoordinasi dan memastikan pencapaian objektif strategik setiap jawatankuasa selaras dengan Pelan Strategik MKAD.
- Menginovasikan pengauditan dengan mengadaptasikan teknologi terkini selaras dengan amalan terbaik.

2

JAWATANKUASA PEMANTAPAN KUALITI (JPQ)

Pengauditan dan Pematuhan Kepada Standard Profesional

Objektif Strategi

- Mengukuhkan metodologi dan amalan profesional audit dalam di Universiti Awam Malaysia selaras dengan *Global Internal Audit Standards (GIAS)*.
- Menyediakan perancangan, kajian dan analisa tentang proses amalan terbaik dengan badan-badan profesional/pengamal industri.

3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)

Pembangunan Kompetensi dan Perkongsian Pengetahuan

Objektif Strategi

- Menyediakan peluang pembangunan kompetensi serta perkongsian pengetahuan dan pengalaman.
- Membina jaringan dan kerjasama serta menanda aras audit dalam di agensi lain.

4.1 TERAS STRATEGIK

1

JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK DAN INOVASI (JSI)
Inovasi dan Kelestarian Pengauditan

	PROGRAM	KPI / INDIKATOR	TAHUN SASARAN					
			2026	2027	2028	2029	2030	
I	Mengkoordinasi dan memastikan pencapaian objektif strategik setiap jawatankuasa selaras dengan Pelan Strategik MKAD							
	Pemantauan berkala membentangkan pencapaian Strategik jawatankuasa dalam mesyuarat MKAD.	secara dan Objektif setiap dalam	Membuat pemantauan laporan pencapaian Pelan Strategik MKAD dalam setiap mesyuarat MKAD.					
	Penyediaan Strategik MKAD 2031-2035	Pelan 2031-	Penyediaan Pelan Strategik MKAD 2031-2035 selewat-lewatnya Disember 2030.					
II	Menginovasikan pengauditan dengan mengadaptasikan teknologi terkini selaras dengan amalan terbaik							
	Pembangunan pengauditan berasaskan COSO <i>Internal Control Framework</i> .		Membangunkan senarai semak pengauditan berasaskan COSO <i>Internal Control Framework</i> .					
	Pembangunan Pengurusan Universiti berdasarkan Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPriSA), MAMPU.	Sistem Audit Awam Garis Panduan Pengurusan	Membangunkan Sistem Pengurusan Audit Universiti Awam.					
III	Pengendalian Web MKAD.	Laman	- Mengemaskini, memperkasa dan memantau Laman Web MKAD. - Pengurusan Dokumentasi MKAD dan semua Jawatankuasa.					

4.1 TERAS STRATEGIK

2

JAWATANKUASA PEMANTAPAN KUALITI (JPQ)

Pengauditan dan Pematuhan Kepada Standard Profesional

	PROGRAM	KPI / INDIKATOR	TAHUN SASARAN				
			2026	2027	2028	2029	2030
I	Mengukuhkan metodologi dan amalan profesional audit dalam di Universiti Awam Malaysia selaras dengan <i>Global Internal Audit Standards (GIAS)</i>						
	Melaksanakan penilaian awal tahap pematuhan GIAS kepada semua Universiti Awam.	Laporan penilaian awal tahap pematuhan GIAS.	●				
	Mengadakan bengkel <i>Mastering Global Internal Audit Standards</i> .	Bengkel Mastering GIAS dihadiri oleh semua Universiti Awam.	●				
	Melaksanakan penilaian sendiri.	Universiti Awam melaksanakan penilaian sendiri sekurang-kurangnya sekali setahun.	●	●	●	●	●
	Melaksanakan <i>peer review</i> .	Universiti Awam melaksanakan penilaian <i>peer review</i> .		●	●	●	●
II	Menyediakan perancangan, kajian dan analisa tentang proses amalan terbaik dengan badan-badan profesional / pengamal industri.						
	Mengadakan <i>benchmarking visit</i> ke unit audit dalam syarikat-syarikat terpilih di Malaysia.	Satu lawatan untuk setiap 2 tahun.	●		●		●
	Mengadakan <i>sharing session</i> tentang proses amalan terbaik dengan agensi lain.	Satu <i>sharing session</i> setiap 2 tahun.		●		●	

4.1 TERAS STRATEGIK

3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)

Pembangunan Kompetensi dan Perkongsian Pengetahuan

PROGRAM	KPI / INDIKATOR	TAHUN SASARAN				
		2026	2027	2028	2029	2030
I	Menyediakan peluang pembangunan kompetensi serta perkongsian pengetahuan dan pengalaman.					
	Menyediakan program atau kursus mengikut keperluan dan perkembangan semasa serta melahirkan Pakar Bidang Khusus (<i>Subject Matter Expert</i>) dari kalangan kakitangan Audit Dalam UA.	Melaksanakan program atau kursus berkaitan mengikut kategori pengauditan:				
		• Pematuhan • Prestasi • Kewangan • Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) • Lain-lain				
		Melahirkan <i>Subject Matter Expert (SME)</i> di kalangan staf Audit Dalam UA bagi setiap kategori pengauditan:				
		• Pematuhan • Prestasi • Kewangan • Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)				
	Mengadakan seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa sebagai platform percambahan ilmu di dalam bidang pengauditan dalaman.	Seminar Audit Dalam Peringkat Kebangsaan pada tahun 2027 dan 2030.				
	Melaksanakan sesi perkongsian pengetahuan dan kemahiran auditan dalaman mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Borneo.					

4.1 TERAS STRATEGIK

3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK) *Pembangunan Kompetensi dan Perkongsian Pengetahuan*

PROGRAM	KPI / INDIKATOR	TAHUN SASARAN				
		2026	2027	2028	2029	2030
II Membina jaringan dan kerjasama serta menanda aras audit dalam Di Agensi Lain.						
Membina jaringan dan kerjasama dengan pelbagai bidang industri.	Tiga (3) bidang industri domestik dikenal pasti iaitu penyelidikan, teknologi maklumat dan komunikasi serta kewangan dan sumber manusia bagi tujuan aktiviti jalinan dan kerjasama.	●		●		●

4.2 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1	Inovasi dan Kelestarian Pengauditan				
STRATEGI 1	Mengkoordinasi dan memastikan pencapaian objektif strategik setiap biro selaras dengan Pelan Strategik MKAD.				
PROGRAM	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN (%)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	J/K	
1. Pemantauan laporan pencapaian Pelan Strategik MKAD 2026 - 2030	Membuat pemantauan laporan pencapaian Pelan Strategik MKAD sekurang-kurangnya setahun sekali. Pemantauan dan Pengukuran Prestasi	100%	2026 - 2030	JSI	
2. Pelan Strategik MKAD 2031 - 2035	Penyediaan Pelan Strategik MKAD 2031 - 2035 selewat-lewatnya Disember 2030. - Penilaian dan Semakan Semula Pelan strategik MKAD 2026 – 2030 - Perancangan, Penyediaan dan Kelulusan Pelan Strategik MKAD 2031 – 2035	50%	2029	JSI	
		50%	2030		
STRATEGI 2	Menginovasikan pengauditan dengan mengadaptasikan teknologi terkini selaras dengan amalan terbaik.				
1. Pembangunan pengauditan berasaskan COSO <i>Internal Control Framework</i> .	Membangunkan senarai semak pengauditan berasaskan <i>COSO Internal Control Framework</i> . - Perancangan – Task Force - Pelaksanaan – UA yang berminat - Penilaian dan Semakan	40% 50% 10%	2026 2027 - 2029 2030	JSI	
2. Pembangunan Sistem Pengurusan Audit Universiti Awam.	Membangunkan Sistem Pengurusan Audit Universiti Awam. - Fasa Permulaan - Fasa Perancangan - Fasa Pelaksanaan dan Kawalan - Fasa Penamatan	30% 30% 30% 10%	2026 - 2027 2027 - 2028 2028 - 2029 2030	JSI	
3. Pengendalian Laman Web MKAD	- Mengemaskini, memperkasa dan memantau Laman Web MKAD. - Domain - Dokumentasi MKAD dan semua Jawatankuasa	100%	2026 - 2030	JSI	
		100%	2026 - 2030		

4.2 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 2	Pengauditan dan Pematuhan Kepada Standard Profesional			
STRATEGI 1	Mengukuhkan metodologi dan amalan profesional audit dalam di Universiti Awam Malaysia selaras dengan Global Internal Audit Standards (GIAS).			
PROGRAM	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN (%)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	J/K
1. Melaksanakan penilaian awal tahap pematuhan GIAS kepada semua Universiti Awam.	Laporan penilaian awal tahap pematuhan GIAS.	100%	2026	JPQ
2. Mengadakan bengkel <i>Mastering Global Internal Audit Standards</i> .	Bengkel Mastering GIAS dihadiri oleh semua Universiti Awam.	100%	2026	JPQ
3. Melaksanakan penilaian sendiri.	Universiti Awam melaksanakan penilaian sendiri sekurang-kurangnya sekali setahun.	100%	2026-2030	JPQ
4. Melaksanakan penilaian <i>peer review</i> .	Universiti Awam melaksanakan penilaian <i>peer review</i> .	50%	2026-2030	JPQ
STRATEGI 2	Menyediakan perancangan, kajian dan analisa tentang proses amalan terbaik dengan badan-badan professional / pengamal industri.			
1. Mengadakan <i>benchmarking</i> visit ke unit audit dalam syarikat-syarikat terpilih di Malaysia.	Satu lawatan bagi setiap 2 tahun.	100%	2026, 2028 & 2030	JPQ
2. Mengadakan <i>sharing session</i> tentang proses amalan terbaik dengan agensi lain.	Satu <i>sharing session</i> setiap 2 tahun.	100%	2027 & 2030	JPQ

4.2 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 3	Pembangunan Kompetensi dan Perkongsian Pengetahuan			
STRATEGI 1	Menyediakan peluang pembangunan kompetensi serta perkongsian pengetahuan dan pengalaman.			
PROGRAM	INDIKATOR PENCAPAIAN	SASARAN (%)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	J/K
1. Pembangunan program <i>Subject Matter Expert (SME)</i> .	Melaksanakan program atau kursus berkaitan mengikut kategori pengauditan. Pematuhan Prestasi Kewangan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Lain-lain ii) Melahirkan <i>Subject Matter Expert (SME)</i> di kalangan staf Audit Dalam UA bagi setiap kategori pengauditan: Pematuhan Prestasi Kewangan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	100%	2026-2030	JPK
2. Seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	Mengadakan seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa sebagai platform percambahan ilmu di dalam bidang pengauditan dalaman.	100%	2027 & 2030	JPK
3. Melaksanakan sesi perkongsian pengetahuan dan kemahiran auditan dalaman	Melaksanakan sesi perkongsian pengetahuan dan kemahiran auditan dalaman mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Borneo.	100%	2026 – 2030	JPK
STRATEGI 2	Membina jaringan dan kerjasama serta menanda aras audit dalam Di Agensi Lain.			
Membina jaringan dan kerjasama dengan pelbagai bidang industri.	Tiga (3) bidang industri domestik dikenal pasti iaitu penyelidikan, teknologi maklumat dan komunikasi serta kewangan dan sumber manusia bagi tujuan aktiviti jalinan dan Kerjasama.	100%	2026, 2028 & 2030	JPK

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

MKAD akan melaksanakan pemantauan dan pengukuran prestasi terhadap sasaran pencapaian menggunakan panduan penilaian di bawah:

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA STRATEGIK DAN INOVASI (JSI)									
1	Penyediaan Pelan Strategik MKAD 2031-2035 · Perancangan dan Formulasi · Pelaksanaan	50% 50%								
2	Membuat pemantauan laporan pencapaian Pelan Strategik MKAD sekurang-kurangnya setahun sekali · Pemantauan dan pengukuran Prestasi · Penilaian dan Semakan Semula	50% 50%								
3	Pembangunan pengauditan berasaskan COSO Internal Control Framework · Perancangan · Pelaksanaan · Penilaian dan Semakan	40% 50% 10%								

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

=====

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA STRATEGIK DAN INOVASI (JSI)									
4	Pembangunan Sistem Pengurusan Audit Universiti Awam berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPriSA), MAMPU • Fasa Permulaan • Fasa Perancangan • Fasa Pelaksanaan dan Kawalan • Fasa Penamatan	30% 30% 30% 10%								
5	• Mengemaskini, memperkasa dan memantau Laman Web MKAD - Domain • Dokumentasi MKAD dan semua Jawatankuasa	100% 100%								

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA PEMANTAPAN KUALITI (JPQ)									
1	Melaksanakan penilaian awal tahap pematuhan GIAS kepada semua Universiti Awam	100%								
2	Mengadakan bengkel <i>Mastering Global Internal Audit Standards</i>	100%								
3	Melaksanakan penilaian sendiri <i>quality review</i>	100%								
4	Melaksanakan <i>peer review</i>	50%								
5	Mengadakan <i>benchmarking visit</i> ke unit audit dalam syarikat-syarikat terpilih di Malaysia.	100%								
6	Mengadakan <i>sharing session</i> tentang proses amalan terbaik dengan agensi lain.	100%								

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)									
1	Pembangunan program <i>Subject Matter Expert (SME)</i> Menyediakan program atau kursus mengikut keperluan dan perkembangan semasa serta melahirkan <i>Subject Matter Expert</i> dari kalangan kakitangan Audit Dalam UA. i) Melaksanakan program atau kursus berkaitan mengikut kategori pengauditan. 1. Pematuhan 2. Prestasi 3. Kewangan 4. Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) 5. Lain-lain ii) Melahirkan <i>Subject Matter Expert (SME)</i> di kalangan staf Audit Dalam UA bagi setiap kategori pengauditan: 1) Pematuhan 2) Prestasi 3) Kewangan 4)Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	100%								

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)									
2	Mengadakan seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa sebagai platform percambahan ilmu di dalam bidang pengauditan dalaman.	100%								
3	Melaksanakan sesi perkongsian pengetahuan dan kemahiran auditan dalaman mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Borneo.	100%								

4.3 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

BIL	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN					% DAN JURANG PENCAPAIAN	ANALISIS JURANG	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
			2026	2027	2028	2029	2030			
	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOMPETENSI (JPK)									
4	Membina jaringan dan kerjasama dengan pelbagai bidang industri. Tiga (3) bidang industri domestik dikenal pasti iaitu penyelidikan, teknologi maklumat dan komunikasi serta kewangan dan sumber manusia bagi tujuan aktiviti jalinan dan Kerjasama.	100%								

